

13/03/2000

Syarifah Rodziah meninggal dunia

GEORGETOWN, Ahad - Tun Sharifah Rodziah Syed Alwi Barakbah, 80 (gambar atas) - isteri bekas Perdana Menteri pertama dan Bapa Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang pada jam 8.30 pagi ini.

Allahyarham dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang sejak tiga hari lalu kerana sakit radang paru-paru yang dihidapinya sejak lima tahun lalu.

Jenazah Allahyarham dibawa pulang ke kediamannya di Jalan Park di sini, kira-kira jam 10.45 pagi.

Antara orang kenamaan yang menziarahi jenazah Allahyarham ialah Sultanah Perak Tuanku Bainun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah yang tiba jam 3.40 petang dari Kuala Lumpur, meluangkan masa kira-kira 25 minit menziarahi jenazah Allahyarham.

Jenazah Allahyarham kemudian dibawa ke Alor Star kira-kira jam 4.15 petang untuk dikebumikan di Makam Diraja Langgar. Tunku Abdul Rahman yang meninggal dunia pada 6 Disember 1990, turut dikebumikan di makam itu.

Di ALOR STAR, jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di Makam Diraja Langgar dengan penuh adat istiadat diraja kira-kira jam 7 malam ini. Turut hadir pada upacara pengkebumian itu ialah Raja Perempuan dan Raja Perempuan Muda Perlis, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Syed Ahmad Shahabuddin dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Allahyarham meninggalkan tujuh anak, iaitu Tunku Khatijah, Tunku Ahmad Nerang, Tunku Meriam, Tunku Suleiman, Tunku Faridah, Tunku Noor Hayati dan Tunku Mastura.

Sementara itu, Dr Mahathir menyifatkan Allahyarham sebagai seorang yang banyak memberi sumbangan terhadap perjuangan Tunku Abdul Rahman dan kemerdekaan negara.

Perdana Menteri berkata, sebagai wanita pertama pada zaman Tunku, Allahyarham banyak memberi sokongan terhadap perjuangan Bapa Kemerdekaan itu.

"Sedikit sebanyak beliau turut memberi sumbangan terhadap usaha mencapai kemerdekaan negara," kata Dr Mahathir ketika ditemui pemberita selepas menziarahi jenazah Allahyarham.

Abdullah pula berkata Allahyarham adalah lambang wanita yang berjaya memainkan peranan ibu dan isteri dengan berkesan.

"Tun menjadi pembantu dan penyokong kuat kepada Tunku. Satu jasa yang cukup cemerlang dan satu pengorbanan yang kita rakyat Malaysia hargai. Sebab itulah Allahyarham dikurniakan gelaran Tun.

"Jasa Allahyarham tentu sekali dikenang, khususnya ketika hayat bersama Tunku," katanya.

(END)